

NO SOALAN :3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
(KANGAR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) di kalangan belia dan nyatakan berapakah jumlah penerima BR1M yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan menganggur.

JAWAPAN

Jumlah penerima BR1M bagi tahun 2015 adalah 7,286,268 orang dimana daripada jumlah tersebut seramai 3,631,394 penerima BR1M adalah di dalam kategori belia iaitu yang berumur 40 tahun kebawah.

Pecahan secara terperinci adalah seperti berikut:

	isi rumah RM3,000 kebawah (RM950)	isi rumah RM3,001 hingga RM4,000 (RM750)	Individu bujang berpendapatan RM2,000 kebawah (RM350)	Keseluruhan
--	-----------------------------------	--	---	-------------

Bilangan	1,150,273	194,995	2,286,126	3,631,394
----------	-----------	---------	-----------	-----------

2. Syarat kelayakan permohonan BR1M tidak mengambil kira maklumat pekerjaan. Justeru, Kementerian Kewangan tidak mempunyai data mengenai pecahan penerima BR1M yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan menganggur,